

**UCAPAN DASAR SDR. MAH SIEW KEONG**  
**PRESIDEN NASIONAL PARTI GERAKAN RAKYAT MALAYSIA**  
**(GERAKAN)**  
**PERSIDANGAN PERWAKILAN NASIONAL KE-44 2015**  
**AHAD, 18 OKTOBER 2015**

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Perdana Menteri kita, merangkap Pengerusi Barisan Nasional, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib Tun Razak kerana sudi hadir serta merasmikan Persidangan Perwakilan Nasional kami yang ke-44. Kami juga amat terharu dengan kehadiran rakan-rakan daripada parti-parti komponen Barisan Nasional, wakil-wakil dari pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta rakan-rakan media yang hadir bersama kami pada hari ini. Saya turut mengalu-alukan kehadiran para perwakilan serta berterima kasih kepada semua yang telah bekerja keras dan bertungkus lumus bagi memastikan Persidangan Perwakilan Nasional pada kali ini Berjaya dan berjalan dengan lancar.

**(A) MENGHADAPI DUNIA YANG KIAN BERGOLAK**

A1 Kita bertemu pada hari ini dalam suasana Malaysia yang aman dan selesa namun hakikatnya kita perlu sedar bahawa kita kini hidup dalam dunia yang sedang bergolak hebat. Mengambil beberapa contoh yang amat ketara dan membimbangkan - ketidakstabilan dan permusuhan di Afrika Utara selepas berlakunya *Arab Spring*, perang saudara di Syria dan Yaman, sehingga membawa kepada krisis pelarian di Eropah; kemungkinan berlakunya perpecahan di Sepanyol dan Britain, krisis ekonomi di Euro-Zone serta krisis hutang Greece, penurunan mata wang serta penurunan nilai dan kejatuhan pasaran saham di beberapa negara, termasuk China; penindasan dan pemberontakan kumpulan minoriti di beberapa negara. Semua ini menyumbang kepada kesuraman global.

A2 Malaysia tidak terlindung dari dengan krisis dan cabaran tersebut kerana kita mengamalkan sistem ekonomi terbuka dan masyarakat terbuka yang saling berhubung dengan dunia menerusi kemajuan komunikasi dan

pengangkutan. Dalam proses tersebut, Malaysia telah mengambil pendirian yang kukuh tegas dan terpuji di arena global, bermula dengan saranan kepada Pergerakan Global Kumpulan Sederhana oleh Perdana Menteri di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 2010. Perdana Menteri menegaskan komitmen tersebut sekali lagi ketika berucap di Perhimpunan Agung PBB serta Sidang Kemuncak Pengaman PBB baru-baru ini. Kami menyanjung ketegasan Perdana Menteri di peringkat global.

A3 Sambil memainkan peranan yang kian aktif di pentas dunia menerusi keahlian dalam Majlis Keselamatan PBB Malaysia turut memainkan peranan penting dalam Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) selaku Pengerusi ASEAN bagi tahun ini. Sejak sepuluh (10) bulan lalu, banyak perkara berjaya dicapai dalam usaha menggalakkan penyatuan Komuniti Ekonomi ASEAN, sambil memperkukuhkan kedudukan berkecuali ASEAN dalam geopolitik global demi memastikan keamanan dan keselamatan di rantau ini. Malaysia benar-benar telah menunjukkan sifat kepimpinannya dalam ASEAN.

A4 Gerakan turut menyambut baik hasil rundingan Perjanjian Perkongsian Trans Pasifik (TPPA). Malaysia telah dan akan terus menjadi negara perdagangan. Dari era Kesultanan Melaka ke era Malaysia moden, Malaysia telah berkembang pesat apabila kita bersifat terbuka dan berhubung dengan ekonomi global. Menurut laporan Credit Suisse, TPPA akan meningkatkan KDNK Malaysia sebanyak 5%. Selain itu, Malaysia bakal memiliki pasaran seramai 800 juta orang dengan hampir tiada halangan perdagangan. Kami juga percaya bahawa kita perlu mengadakan perbincangan yang rasional dan telus di peringkat kebangsaan mengenai TPPA dan kami akan memainkan peranan kami.

## **B MEMACU EKONOMI DEMI KEPENTINGAN SEMUA**

B1 Berbalik kepada hal domestik negara, kita tidak boleh menafikan bahawa beberapa tahun yang lepas sangat mencabar dan ia telah menjadi semakin genting sejak beberapa bulan kebelakangan ini. Pemimpin pembangkang

dan sesetengah pengkritik luar negara baru-baru ini telah menggambarkan Malaysia sebagai sebuah "negara gagal," dari segi ekonomi dan pentadbiran, atau "negara rapuh," dari segi politik dan hubungan antara kaum dan agama. Kebanyakan rakyat Malaysia yang waras dan rasional akan berpendapat bahawa kedua-dua (2) terma tersebut sebagai adalah terlampau . Sungguhpun begitu, kita tidak boleh nafikan bahawa kita menghadapi masalah, dengan pelbagai isu-isu utama yang kian membara dan boleh mengugat kestabilan dan keharmonian negara jika tidak diselesaikan dengan baik.

- B2 Mari kita lihat bidang ekonomi dan pentadbiran. Tidak syak lagi, sejak Dato 'Sri Najib mengambil alih jawatan Perdana Menteri pada tahun 2009, beliau telah mengorak langkah secara kreatif dan aktif menerusi Program Transformasi Negara; memberi tumpuan berkaitan isu kebimbangan rakyat dengan meningkatkan pengurusan prestasi, meneroka dan mengeksploitasi inisiatif-inisiatif ekonomi baru. Kita telah mencapai kemajuan besar termasuk bergerak ke arah industri berteknologi tinggi dan perkhidmatan bermutu tinggi. Berdasarkan Indeks Daya Saing Global yang disusun oleh Forum Ekonomi Dunia, Malaysia telah terus meningkat dari No. 25 pada tahun 2012 kepada No. 18 pada tahun 2015. Dari segi Indeks "Kemudahan Menjalankan Perniagaan" yang disusun oleh Bank Dunia, kedudukan kita telah semakin meningkat dari No. 23 pada tahun 2010 kepada No. 6 pada tahun 2014. Kedudukan yang kian meningkat ini membuktikan bahawa Malaysia bukan sebuah "negara gagal." Namun begitu, kita perlu sentiasa memperbaiki diri kita, kerana negara lain juga terus berusaha dan bergerak maju ke hadapan.
- B3 Menentang kritikan terhadap Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), Gerakan masih merasakan bahawa BR1M adalah tepat, sama seperti skim-skim yang serupa turut dilaksanakan di negara maju seperti Singapura dan Hong Kong. Malah, Gerakan menggesa supaya bayaran BR1M dinaikkan, di samping langkah-langkah yang lebih berkesan dilaksanakan dengan tujuan untuk mengawal dan mengurangkan kenaikan kos. Sepatutnya kredit cukai yang lebih tinggi diberikan kepada keluarga berpendapatan sederhana, khususnya mereka yang mempunyai anak. Kami turut mencadangkan agar

semua isi rumah yang berpendapatan kurang daripada RM5,000.00 sebulan diberikan potongan cukai bagi bayaran Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) sama seperti potongan cukai untuk insurans, KWSP dan lain-lain perbelanjaan. Ini akan memberi sedikit kelegaan kepada keluarga berpendapatan sederhana, sementara BR1M menyediakan bantuan dalam bentuk wang tunai yang lebih diperlukan untuk golongan berpendapatan rendah.

- B4 Gerakan telah membentangkan beberapa cadangan untuk Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11) dan Bajet 2016. Antaranya adalah menggesa pengenalan skim "gaji top-up" di mana gaji semua rakyat Malaysia yang berpendapatan kurang daripada RM 2,500 bakal digandakan gaji mereka menjelang tahun 2020 dengan kos kenaikan ini ditanggung dan dikongsi bersama oleh kerajaan dan majikan, dengan syarat bahawa pekerja tersebut mesti komited untuk kekal dengan majikan serta menunjukkan peningkatan produktiviti melalui beberapa skim penilaian beberapa KPI. Ini merupakan langkah konkrit untuk mencapai matlamat utama RMK-11 untuk menggandakan putara pendapatan isi rumah 40 peratus terendah (B40) serta meningkatkan pendapatan purata B40 hingga RM 5,270 dan mengurangkan *Gini-Coefficient* kepada 0.385. Ini juga akan memastikan rakyat Malaysia mempunyai kuasa membeli yang lebih mantap dan perbelanjaan pengguna akan terus menjadi pemacu utama bagi pertumbuhan ekonomi.

**(C) MEMERANGI JENAYAH DAN RASUAH; MENGEMBALIKAN KEYAKINAN AWAM**

- C1 Dari segi politik, kita perlu jujur dan akur bahawa Barisan Nasional, dan juga Gerakan, tidak dapat tarikan yang secukupnya dalam bidang persepsi awam. Sebagai contoh, pembangkang melalui ucapan berapi-api dan manipulasi media social telah berjaya mempengaruhi orang ramai untuk mempercayai dakwaan mereka bahawa GST dan rasionalisasi subsidi tidak diperlukan jika rasuah dan ketirisan yang lain benar-benar dihapuskan sama sekali. Kita tidak menjawab dakwaan tersebut dengan berkesan dan mencukupi.

- C2 Turut mencerminkan pelbagai sentimen, Gerakan telah mendesak agar siasatan segera dan menyeluruh mengenai 1Malaysia Development Berhad (1MDB) diselesaikan dengan segera oleh agensi-agensi yang berkaitan serta Jawatankuasa Kira-kira Awam (PAC) Parlimen, demi kepentingan dan imej negara. Maklum balas kita menunjukkan bahawa walaupun 1MDB telah mengeluarkan banyak kenyataan media untuk menjelaskan menangkis pelbagai tuduhan, ramai orang masih tetap tidak terima penjelasan yang diberikan. Kita harus meningkatkan usaha komunikasi kita dan, yang lebih penting, untuk memulihkan keyakinan orang ramai, PAC, sebagai satu badan *bi-partisan*, perlu segera dilantik semula dan meneruskan siasatannya.
- C3 Malah, agak banyak sebenarnya usaha-usaha telah dilakukan untuk menangani rasuah, ketirisan dan pembaziran. Tujuh hingga lapan tahun lepas telah menyaksikan enakmen beberapa perundangan anti-rasuah yang penting serta usaha pengukuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), termasuk pelantikan jawatankuasa yang terdiri daripada Ahli-ahli Parlimen pihak Kerajaan dan pembangkang serta individu-individu bebas yang dihormati. Hasilnya, kedudukan Malaysia dari segi Indeks Persepsi Rasuah oleh *Transparency International* (TI) telah melonjak daripada serendah No. 60 pada tahun 2011 kepada No. 43 pada tahun ini. Walau bagaimanapun, rakyat biasa entah bagaimana seolah-olah tidak merasakan sedemikian. Malah, rasuah masih menjadi punca utama rasa tidak puas hati rakyat jelata dan kita mesti lebih aktif menangani masalah ini. Tambahan pula, walaupun pelbagai pendekatan di ambil untuk memerangi jenayah, rakyat masih risau tentang isu keselamatan. Saya menggesa pihak-pihak berkuasa memerangi dengan tegas jenayah dan penyebab-penyebab jenayah.
- C4 Program Transformasi Kerajaan (GTP) sebenarnya menyeru untuk tindakan lebih berat diambil terhadap rasuah, terutamanya selepas pelaksanaan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat. Lebih penting lagi, GTP telah memberi tumpuan kepada keperluan untuk memerangi “rasuah besar” dengan mengawal selia dan menjadikan pembiayaan politik telus dan bertanggungjawab. Adalah benar bahawa pembangkang berulang kali membantah pendedahan penuh penderma mereka kerana takut bahawa kerajaan

mungkin memangsakan mereka. Walau bagaimanapun, Gerakan merasakan bahawa kita harus mengetepikan perasaan bimbang pembangkang yang tidak berasas ini. Untuk memulihkan semula keyakinan rakyat, tidak ada cara lain yang lebih baik melainkan dengan menangani isu ini secara cepat dan berkesan. Gerakan juga telah mengemukakan beberapa cadangan konkrit kepada kerajaan melalui Jawatankuasa Perunding Pembiayaan Politik yang diketuai oleh Menteri yang berkenaan YB Senator Dato' Paul Low.

## **D KEMBALIKAN MALAYSIA KE JALAN KESEDERHANAAN**

- D1 Malah dari segi politik juga, memang tidak dapat dinafikan wujudnya peningkatan suhu berkaitan hubungan antara kaum dan agama dalam tempoh dua (2) tahun yang lalu. Perdana Menteri berkata dengan tegas di PBB baru-baru ini bahawa "Malaysia telah dan akan sentiasa menjadi sebuah negara di mana pelbagai agama dan etnik bebas makmur dan berkembang maju." Beliau turut berkata bahawa Islam yang sah "jelas melindungi minoriti dan menghormati agama lain". Kami pastinya bersetuju dan menyokong penuh pendirian tegas sedemikian mengenai kesederhanaan. Malah, keharmonian dalam kepelbagaian sudah menjadi ciri dan kebanggaan Malaysia serta dicemburui oleh orang lain. Sebagaimana kita mengajar kesederhanaan di luar negara, kita juga mesti berdiri teguh mempertahankan kesederhanaan di negara sendiri kerana dunia sedang memerhati cara bagaimana kita menangani golongan pelampau dan ekstremisme dalam negara kita.
- D2 Walau bagaimanapun, kenyataan dan ucapan sesetengah pemimpin politik dan orang lain dalam dua (2) tahun yang lalu sangat bertentangan dengan semangat dan falsafah kesederhanaan. Oleh itu, Gerakan menggesa agar tindakan pantas dan tegas dikenakan terhadap seseorang yang mengucapkan kata-kata perkauman atau mengancam tindakan ekstremis, tanpa mengira perhubungan atau kedudukannya. Ianya amat menyakitkan hati apabila rakan-rakan kita dalam BN membuat kenyataan tidak sensitif dan mewajarkan kenyataan sebagai permainan politik yang biasa. Gerakan

kerap kali bersabar dalam banyak hal kerana kita mahu BN berjaya dalam transformasi Malaysia tetapi sudah tiba masanya bagi BN untuk mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana anggotanya yang membuat kenyataan berbau perkauman atau hasutan. Dalam mengejar kuasa politik, kita tidak boleh membuang nilai-nilai dan prinsip kita.

- D3 Malah, pihak berkuasa yang berkaitan perlu membendung segala suara yang rasis dan memecah-belahkan masyarakat, yang bertentangan dengan kepercayaan dan nilai-nilai agama, serta semangat Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Kami turut merasakan bahawa dengan mengamalkan demokrasi, kita tetap mempunyai kebebasan untuk berbahas dan mengadakan perhimpunan aman, tetapi bukannya melalui demonstrasi jalanan yang boleh terluar kawalan serta mengancam fabrik sosial negara yang berbilang kaum dan agama.
- D4 Sejak beberapa minggu kebelakangan ini, kami turut mendengar suara-suara yang mendesak sistem sekolah satu aliran, iaitu memansuhkan sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil. Bukannya menggalakkan perpaduan, sebaliknya kenyataan sedemikian telah mencetuskan sentimen negatif yang menjejaskan perpaduan rakyat. Gerakan mengalu-alukan jaminan Perdana Menteri baru-baru ini yang mengatakan bahawa desakan sedemikian bukanlah dasar BN. Sesungguhnya, kami ingin mengingatkan kepada semua bahawa di bawah Akta Pendidikan 1996, tidak ada peruntukan lagi untuk menutup sekolah-sekolah rendah Cina dan Tamil, tidak seperti dalam Akta Pelajaran 1961.
- D5 Gerakan adalah satu idea yang mendahului masa. Kami percaya dan terus percaya bahawa Malaysia hanya boleh berkembang dan makmur jika kita bersatu padu. Memandangkan suara-suara perbalahan dan percanggahan semakin kuat berkembang, maka mereka harus disangkal dengan seruan perpaduan dan integrasi yang lebih lantang dan inilah yang telah diperjuangkan oleh Gerakan empat puluh tujuh (47) tahun yang lalu. Ada kalanya, saya tertanya-tanya adakah ada sesiapa yang benar-benar mendengar. Kesederhanaan adalah jalan yang sunyi tetapi ia merupakan jalan yang kita

mesti harungi kerana negara tidak boleh berkembang maju di dalam suasana ekstremisme dan ketakutan.

- D6 Gerakan juga berada di barisan hadapan dalam mempertahankan Perlembagaan Persekutuan serta asas penubuhannya. Kita tidak boleh membenarkan kepentingan politik melangkaui nilai-nilai perlembagaan dan prinsip kita. Perlembagaan Persekutuan merupakan satu panduan yang sama sekali tidak boleh kita abaikan. Gerakan menghormati kedudukan Islam sebagai agama persekutuan tetapi kita tidak boleh membenarkan pelaksanaan Hudud di Kelantan kerana ia bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan.

### **(E) MENEGASKAN HALA TUJU GERAKAN**

- E1 Ramai yang bertanya kepada saya, apakah hala tuju parti? Selepas kekalahan dalam Pilihanraya Umum Ke-12 dan Ke-13, ada yang memberitahu saya bahawa saya kurang bijak kerana memikul jawatan presiden dalam sebuah parti yang berada di ambang keruntuhan. Saya hanya mempunyai satu jawapan untuk semua pengkritik bahawa mereka salah kerana mereka tidak memahami Gerakan.
- E2 Kepada mereka yang mempersoalkan tentang hala tuju parti, saya mengajak anda semua untuk membaca dan memahami Perkara 7 Perlembagaan Parti kita. Matlamat dan objektif parti adalah jelas. Kami memperjuangkan kesederhanaan, keterangkuman, keadilan dan kesaksamaan. Kita berdiri teguh untuk mempertahankan apa yang betul dan menentang apa yang salah. Kita berbuat demikian bukan atas desakan angin politik tetapi kita berbuat demikian kerana ianya telah sehati dalam jiwa setiap seorang daripada kita - perasaan benar dan salah, serta hati nurani kita sebagai manusia dan rakyat Malaysia.



- E3 Namun kita turut akur serta faham bahawa bukan semua orang berkongsi semangat kita malah penyokong tradisi kita telah terjerumus dengan tomhahn-tohmahan pengkritik kami dan banyak menyalahkan kami juga kerana gagal untuk memanipulasi peranan yang lebih mendesak sebagai suara logik dalam BN. Walau bagaimanapun, kami berdiri dengan rekod kita khususnya di Pulau Pinang. Saudara Dr Lim Chong Eu dan Saudara Dr Koh Tsu Koon mengabdikan diri mereka untuk membina Pulau Pinang dan Gerakan berbangga dengan pencapaian mereka. Sebenarnya, asas kukuh yang telah kita bina di Pulau Pinang membolehkan kerajaan Pulau Pinang kini mentadbir urus dengan mudah, malah memainkan politik populisme.
- E4 Dalam bidang pendidikan dan pembangunan sumber manusia, Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang diterajui Gerakan dahulu telah menubuhkan Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang, Kolej Antarabangsa Pulau Pinang dan Kolej Perubatan Pulau Pinang, di samping menyokong penubuhan dan pengembangan institusi pendidikan awam dan swasta yang lain di Pulau Pinang. Yayasan Pendidikan Gerakan berganding bahu dengan Amanah Kebajikan Yeap Chor Ee telah menubuhkan Yayasan Pendidikan Wawasan untuk menaja Universiti Terbuka Wawasan (WOU) dalam menawarkan peluang pembelajaran jarak jauh kepada orang ramai yang bekerja di Malaysia. Sejak pengambilan pelajar bermula pada tahun 2006 sehingga kini, seramai 15,000 para pekerja telah mengikuti mod pengajian di WOU. Sebagai sebuah entiti bukan berasaskan keuntungan, WOU telah mengekalkan yuran yang sangat rendah. Kami amat berterima kasih kepada kerajaan persekutuan di bawah pimpinan Tun Abdullah dan kini Dato 'Sri Najib kerana membantu menampung defisit WOU. Kami yakin bahawa kita mampu mencapai kese-

imbangan akaun semasa dalam tempoh dua (2) tahun. Selain itu, WOU juga kini sedang meneroka kerjasama dengan institusi-institusi di negara-negara maju dan membangun, terutamanya di ASEAN.

- E5 Merujuk kepada desakan politik pada hari ini serta keperluan untuk memenangi lebih banyak kerusi pada pilihan raya umum yang akan datang, kami telah mengenal pasti calon-calon kita dengan lebih awal supaya mereka boleh turun padang dan mengenali pengundi di kawasan masing-masing. Walaupun majoriti kerusi yang kami tandangi berada di kawasan Bandar, kita tidak boleh memandang rendah keperluan dan bantuan yang mampu diberikan oleh calon yang dipilih.
- E6 Kami akan terus memperkukuhkan organisasi parti serta merekrut lebih ramai ahli. Tanpa tenaga kerja, kami tidak boleh menang dan kami menerima realiti tersebut. Malah mereka yang telah dikenal pasti sebagai calon telah dicabar untuk memastikan mereka mempunyai pasukan teras yang terdiri daripada pekerja dan penyokong.
- E7 Selain itu, Gerakan juga telah mempertingkatkan jentera publisiti kerana kita perlu lebih responsif dalam menangani fitnah dan propaganda pembangkang. Kebanyakan rakyat Malaysia telah tertarik dengan apa yang dikatakan oleh pembangkang kerana mereka menggunakan model *Goebbelsian* iaitu mengulangi pembohongan seribu kali supaya ia menjadi benar. Kami tidak mempunyai pilihan; kami perlu menangani masalah ini kerana pembangkang tidak mengambil berat tentang negara sebaliknya hanya lebih mementingkan pengumpulan kuasa politik untuk mereka sendiri.

**(F) MEREFORMASI BARISAN NASIONAL SUPAYA LEBIH INKLUSIF DAN**

## **BERORIENTASIKAN RAKYAT**

- F1. Berdasarkan semangat permuafakatan konsensus Barisan Nasional yang diasaskan oleh Tun Abdul Razak lebih 40 tahun yang lalu, kita dalam BN mesti menjadi peneraju, tetapi sekarang kita membiarkan pihak lain mengatasi dan mengalih dari kita! Malah, beberapa pemimpin Gerakan, termasuk diri saya, pernah mencadangkan penggabungan semua parti komponen BN untuk menjadi satu entiti. Saya secara peribadi mengakui bahawa cadangan tersebut adalah mendahului masa, sama seperti cadangan Dato' Onn Jaafar untuk membuka UMNO kepada semua komuniti hampir 70 tahun yang lalu yang masih mendahului masa.
- F2. Namun, jika kita mahu terus menerajui Malaysia pada masa hadapan, BN perlu bertindak untuk transformasi sekarang. Kita perlu berusaha bersungguh-sungguh dengan mengambil beberapa langkah konkrit dengan membentuk semula BN yang lebih kohesif, bersatu-padu dan mesra rakyat. Sehubungan itu, saya menyambut baik saranan Pengerusi BN, Dato' Sri Najib untuk menjadikan BN lebih mesra dan terbuka. Sebagai permulaan, kita perlu menggalakkan lebih banyak dialog yang mendalam, perundingan yang kerap serta kerjasama tulus di kalangan parti-parti komponen BN, semuanya demi kepentingan rakyat.
- F3. Izinkan saya mencadangkan beberapa langkah konkrit. Pertama, kita perlu menubuhkan sebuah kumpulan pemikir BN di peringkat kebangsaan, dengan intelektual dari parti-parti komponen untuk membincangkan serta menganalisis pelbagai isu kontroversi dengan cara yang rasional dan telus, menampilkan persefahaman serta merangka dasar yang lebih padu dan strategi yang lebih berkesan, berteraskan semangat "1Malaysia" dan "Rakyat Didahulukan". Kedua,

kita perlu menubuhkan biro BN bagi bidang-bidang yang menjadi perhatian di peringkat negeri dan bahagian untuk menggalakkan penglibatan dan penyertaan dari pelbagai kumpulan dalam BN serta masyarakat awam di peringkat akar rumbi.

- F4. Ketiga, kita perlu memperkenalkan konvensyen agung tahunan dan mengadakan mesyuarat AJK dengan lebih kerap di peringkat bahagian agar pemimpin bahagian kita tidak bertemu hanya sejurus sebelum pilihan raya umum. Keempat, kita perlu mempertimbangkan bagaimana mewujudkan mekanisme untuk memilih Pengerusi Bahagian BN dan ahli-ahli jawatankuasanya, dengan mengambil kira amalan pembahagian kerusi di kalangan parti-parti komponen dan memastikan semuanya diwakili. Penyusunan ini akan memastikan bahawa semua pemimpin BN bahagian sedar akan perasaan pelbagai komuniti dan parti-parti komponen serta tidak lagi bermain politik perkauman sepertimana menjurus kepada parti berasaskan kaum sendiri.
- F5. Kelima, BN juga perlu merekrut ahli-ahli yang lebih muda serta meletakkan mereka sebagai calon, memandangkan Malaysia merupakan sebuah negara muda dengan majoriti penduduk di bawah umur empat puluh (40). Gerakan berjanji untuk meletakkan calon-calon yang lebih muda, lelaki dan perempuan, yang berkebolehan, berdedikasi dan sedia berkorban demi kemajuan Malaysia. Kita mahu BN dan Gerakan mempunyai muka-muka muda. Sememangnya, terdapat desakan hebat agar BN dan semua parti komponen berubah, kalau tidak, kita semua akan diubah, sebagaimana amaran Dato' Sri Najib selepas beliau mengambil alih sebagai Perdana Menteri pada tahun 2009.

## **(G) KE ARAH MASA DEPAN YANG LEBIH BAIK**

- G1. Gerakan merasa bahawa rakyat Malaysia tidak sepatutnya mengalah dan berputus asa. Kisah Malaysia sepatutnya sebuah kisah yang inklusif, adil, saksama dan kepelbagaian. Ia merupakan satu kisah kejayaan dan kebahagiaan. Di sebalik semua cabaran yang kita hadapi, kita sentiasa dapat mengatasinya kerana kita bersatu. Walaupun sukar, namun izinkan saya mengingatkan anda tentang petikan daripada penyair Turki Nazim Hikmet, "Our best days have yet to be lived / hari terbaik kita masih belum kita tempuhi."
- G2. Ekstremisme dan pengasingan mesti dikalahkan dengan kesederhanaan dan keterangkuman. Emosi harus memberi laluan kepada akal dan amanah perlu mengatasi ketidakpercayaan. Sudah tiba masanya untuk kita semua secara kolektif mengambil alih jubah pembangunan negara dan bekerja bersungguh-sungguh demi kemajuan Malaysia. Rakyat Malaysia adalah bangsa yang tahan lasak serta tabah dan berjaya mengharungi cabaran kerana kita percaya kepada masa depan yang lebih baik
- G3. BN mestilah bersatu sebelum ianya dapat menyatukan negara. Oleh itu, saya merayu kepada rakan-rakan parti komponen unuk berikhtiar bersama untuk kebaikan semua dan jangan mengoyakkan negara ini dengan kata-kata rasis atau negatif. Pendemokrasian yang lebih besar telah melebarkan ruang perbezaan pendapat dan, jika tidak ditangani dengan baik, boleh membawa padah. Kita mesti menangani perbezaan pendapat tersebut dengan memahami mereka dan bukan mempenjarakan mereka. Walau bagaimanapun, mereka yang tidak bersetuju dengan kerajaan perlu berbuat demikian selaras dengan batasan undang-undang.

- G4. Gerakan menghormati proses pilihan raya dan mengalu-alukan semua rakyat Malaysia untuk mendaftar sebagai pengundi serta turut serta dalam proses ini. Demokrasi tidak boleh disalahgunakan dan digunakan untuk mencapai matlamat yang tidak demokratik dan kita tidak akan bertolak ansur dengan sebarang percubaan melalui ka-cau-bilau jalanan untuk menjatuhkan kerajaan yang telah dipilih secara sah.
- G5. Semua pihak perlu mengeneipkan politiknya yang kurang sihat dan bekerja secara kolektif untuk meneruskan kebaikan bersama. Malaysia cukup luas untuk setiap rakyat Malaysia. Kita mempunyai kemahuan politik dan keberanian untuk berdiri untuk apa yang betul dan Gerakan akan terus bersuara lantang tanpa rasa takut atau pilih kasih.

Sebelum saya akhiri ucapan saya, saya mencabar semua rakyat Malaysia untuk membina impian untuk hari esok yang lebih baik dan murni.

Sebuah Malaysia yang bersatu padu di mana tiada siapa yang lebih keMalaysiaan daripada orang lain.

Sebuah Malaysia yang progresif iaitu bersemangat dan berpandangan jauh serta menjamin kedudukan negara di mata dunia.

Sebuah Malaysia moden yang merangkumi bidang sains, teknologi, inovasi dan keusahawanan dengan pusat-pusat pembelajaran yang bertaraf dunia di mana persekitaran pembelajaran adalah terbuka dan bersifat ingin tahu.

Sebuah Malaysia yang berkasih-sayang di mana hak-hak, kepercayaan dan budaya semua kaum diraikan dan dihargai.

Sebuah Malaysia yang sederhana di mana tiada ekstremisme dan

kesederhanaan menjadi tunggak utama.

Impian ini boleh menjadi kenyataan dan kita mampu membina Malaysia jika kita bekerja keras dan meletakkan hati dan minda kita mencapainya. Kita mesti berjaya kerana kita tidak mempunyai pilihan lain. Hari ini, marilah kita sekali lagi memberikan komitmen serta dedikasi untuk membina sebuah Bangsa Malaysia.

Terima kasih.

民政党全国主席  
马袖强同志政策演讲  
民政党第 44 届全国代表大会  
2015 年 10 月 18 日（星期日）

我对于首相兼国阵主席拿督斯里纳吉亲临为第44届全国代表大会主持开幕，致以最深的谢意。我们也感谢出席大会的各成员党的代表、非政府组织代表和媒体朋友们。我欢迎出席大会的所有党全国代表，同时也衷心感谢那些为了确保这次大会成功的而任劳任怨的同志。

**(A) 应对动荡的世界局势**

A1 虽然我们今日得以在和平与舒适的马来西亚环境中开会，但我们必须意识到我们正生活在一个非常动荡的世界里。我只突出几个明显和令人不安的例子，由广为吹捧的“阿拉伯之春”所引发的北非的不稳定、互斗和仇恨局面、叙利亚和也门的内战等，又导致了欧洲现今的难民危机、西班牙和英国面临国家分裂的可能性、欧元区的经济危机和希腊的债务崩溃、很多国家的货币贬值和股市崩盘，其中也包括一向以来表现很好的中国，以及很多国家内少数群体遭受压迫和发动叛乱与恐袭等等。这些事件确实都增加了全球动荡现象。

A2 马来西亚也无法避免受到这些危机和挑战的负面影响，因为我国的经济和社会是开放的，并且在先进的通讯和交通下，与世界更加紧密地联系。在这动荡的局势中，自从首相于 2010 年联合国大会上提倡中庸运动以来，马来西亚在国际上能采取了坚定和值得赞扬的立场。首相也曾在最近的联合国大会和联合国维和峰会多次的演词中重申其立场，我们向首相在世界舞台展示其坚定的领导致敬。

A3 除了通过作为联合国安全理事会的成员国在国际上扮演更积极的角色，马来西亚也是今年度的东盟主席，在东盟内扮演着举足轻重的角色。在过去的 10 个月内，我国在努力推动东盟成立东盟经济共同体，及加强东盟在全球地缘政治的中



立立场方向取得成果，以确保东盟地区的和平与安全。马来西亚的确在东盟内展现了领导风范。

A4 民政党也欢迎跨太平洋伙伴协议（TPPA）的协商结果。马来西亚有史以来都是贸易国，将来也会是如此。自马六甲苏丹时期至今的马来西亚，当我们开放全球经济接轨，我们即可蓬勃发展。根据瑞士信贷的一项研究报告，跨太平洋伙伴协议将会促使马来西亚国内生产总值增加 5%。此外，马来西亚也将会进入一个几乎没有任何贸易障碍拥有 8 亿人口的庞大市场。民政党认为大家必须针对跨太平洋伙伴协议的利与弊进行一个理性和透明化的全国性辩论，我们也期待在这方面扮演我们积极和有效的角色。

## B 为全民福利推动经济

B1 回顾国内的局势，无可否认，过去几年以来确实非常具有挑战和令人担忧，最近几个月更甚。一些反对党领袖和国外评论家最近甚至形容马来西亚在经济和行政上为“失败的国家”，而在政治及种族与宗教关系上更是个“破裂的国家”。很多有理智和理性的国民会觉得这实在是言过其实。但是，我们不能否认，我国的确已是一个陷入困境中的社会，因为有许多重大课题不断恶化，并威胁国家的稳定与和谐。

B2 让我们先环顾经济和行政领域。毫无疑问的，拿督斯里纳吉自 2009 年接任首相以来，的确有推动了几项创新的举措、通过各项国家转型计划积极地提升绩效管理，以专注于解决人民所担忧的主要课题，以及探索和开拓新的经济政策。我们确实取得了一些不俗的成果，其中包括迈向高科技领域和高价值服务业。在世界经济论坛的全球竞争力指数中，马来西亚也由 2012 年的第 25 名不断地攀升至 2015 年的第 18 名。同时，在世界银行的营商环境报告中，马来西亚从 2010 年的第 23 名逐步提升至 2014 年的第 6 名。这些高排名显示马来西亚一直以来都做得不错，绝对不是一个“失败的国家”。但是，我们还是需要继续努力，因逆水行舟，不进则退。

B3 针对一个大马援助金的批评, 民政党依然认为这计划是正确的, 因为在经济先进国如新加坡和香港, 也实行着类似的计划。事实上, 民政党已有呼吁提高一个大马援助金的金额, 同时也实行其他更有效的措施, 以控制和降低生活费。中等收入家庭应享有更高的税务减免, 尤其是那些拥有孩子的家庭。我们也提出为月入少过 5000 令吉的家庭得以从所得税中扣除已付的消费税, 类似于保险、公积金和其他支出的税务扣除。在一个大马援助金为低收入家庭提供急需现金的当儿, 这可以协助减轻中等收入家庭的负担。

B4 民政党也向财政部长提供第 11 个大马计划和 2016 年财政预算案的建议中, 其中包括推行一项“加薪”计划, 所有月入少过 2500 令吉的国民在 2020 年提升一倍, 而该加薪成本由政府 and 雇主共同承担, 条件是员工必须承诺继续与雇主同在, 并在一些关键绩效指标上提高生产力。这是一个实现第 11 个大马计划核心宗旨之一的具体方式, 即是加倍提升 40%底层家庭 (B40) 的收入, 提高底层家庭的平均收入至 5270 令吉, 也将贫富不均的基尼系数降低至 0.385。这也将确保国民可以拥有更好的消费能力, 消费者的消费也将继续成为经济成长的主要动力。

### **(C) 打击贪污, 恢复人民信心**

C1 在政治方面, 我们必须坦承国阵和民政党在公众印象游戏中并未获得改善, 例如反对党通过激烈的演讲和操控社交媒体, 已成功说服很多人相信, 认为若可以全面消灭贪污和其他浪费, 那消费税及津贴合理化就再也没有必要。我们并未能有效地回应这些指控。

C2 为了反映一般人民的心声, 民政党一直以来都呼吁相关机构和公共账目委员会必须尽量加速对一个大马发展有限公司的彻底调查, 因为这是关乎国家的利益和形象的。我们所收到的反馈显示, 尽管一个大马发展有限公司本身已发表很多声明, 澄清和反击各种指控, 但很多人民还是不愿意接受。我们必须加强与人民沟通的努力。更重要的是由朝野所组成的公账会必须尽快重组, 以能进行调查任务, 恢复人民的信心。

C3 事实上, 政府已在对付贪污、舞弊和浪费方面作出甚多努力。在过去的 7 至 8 年期间, 我们看到了一些重要的反贪立法的通过执行与加强反贪会的措施, 包括委任朝野国会议员和受尊重人士所组成的一些独立委员会来监督反贪措施。因此, 马来西亚在国际透明组织所评估的贪污印象指数排名由 2011 年的第 60 名提升至今年的第 43 名。然而, 人民似乎依然没有感到有所改进。事实上, 贪污依然是人民不满的一个主要原因。相同的, 虽然已采取很多措施打击罪犯, 但民众依然对治安感到担忧。我们必须采取更有劲的行动, 加倍努力打击贪污和罪犯。

C4 实际上, 政府转型计划有建议采取更严厉的肃贪举措, 尤其是在实行举报人保护法令之后。更重要的是, 政府转型计划也强调必需控制及确保政治献金的透明度和问责性, 以专注于打击政治贪污。反对党确实曾一再反对披露其献金者的身份, 其借口是担心政府可能会加害他们的“金主”。然而, 民政党认为我们应不理睬反对党的这种无谓的“恐惧”。为了恢复人民的信心, 没有比更迅速及有效地解决政治献金课题的更好方法。民政党已通过由有关部长拿督刘胜权领导的政治献金咨询委员会, 向政府提呈多项具体的建议。

## D 重新回归中庸的马来西亚

D1 在政治方面, 无可否认, 在过去 2 年, 种族和宗教关系持续升温。首相最近曾在联合国致词中强调“马来西亚永远都是各信仰和种族自由发展和繁荣的土地”。他也表示, 真正的伊斯兰是“保护少数群体和尊重其他信仰的”。我们非常同意和全力支持首相如此坚定的中庸立场。事实上, 和而不同一直都是马来西亚的标志, 我们引以为荣, 同时也是他人所羡慕的。但是, 当我们在海外宣扬中庸的同时, 我们也必须在国内力挺和捍卫中庸, 因为全世界都在关注我们如何应对国内的极端分子和极端主义。

D2 然而, 在过去 2 年, 几名政治领袖和其他人士的用词和言论已违背了这个中庸的精神和理念。因此, 民政党呼吁政府, 不论其身份背景和职位高低, 均一致迅速采取严厉行动对付任何发表种族性言论或具有威胁性极端行为的人士。当我们的国阵盟友发表缺乏敏感性言论, 并将该言论合理化为公平的政治游戏, 这是令人

感到心痛的。民政党在很多情况下都很有忍耐，因为我们希望国阵可以成功地将马来西亚转型，然而现在正是国阵严厉对付任何发表种族或煽动性言论的成员的时候。在追求政治权利的过程中，我们不可抛弃我们的价值观和原则。

D3 事实上，有关当局必须制止所有分裂主义和种族主义的声浪，因为这更是违背了我们所有的宗教信仰和价值，以及我们的联邦宪法和国家原则。我们也认为，在一个民主的国家，我们可以针对任何课题举行辩论及和平集会，但却不好上街头示威，因为这可以导致失控，而威胁我们多元民族及多元宗教的社会结构。

D4 在最近的几个星期，我们也听到一些要求施行单源流学校制度的呼吁，这等同于要废除华小及淡小。这样的言论已引发不利于团结的负面情绪，而不能促进团结的。民政党欢迎首相表明如此的呼吁并不是国阵的政策。事实上，我们需要提醒各方，1996 年教育法令内并没有条文赋予教长有权关闭华小与淡小，这与早期的 1961 年教育法令截然不同。

D5 民政党是个超越时代理念的政党，我们相信只有团结和凝聚力，马来西亚才可以继续成长和繁荣。由于不和谐与不一致的杂音日益增长，呼吁团结和融合的呼声就应该更加响亮，而这也是民政党在过去 47 年一直以来所宣扬的。有时候，我也怀疑，是否真的有任何人聆听。中庸可能是一条孤寂的道路，但我们却必须前进，因为国家无法在极端主义和恐惧的环境下繁荣。

